

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94**

April 1994

FFP 361 Farmasi Forensik

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan dan 3 muka surat yang bertaip.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Sebuah syarikat borong berbagai bangsa ingin memperbaikan perniagaannya dan mempercimpung dalam farmaceutikal. Sebagai kakitangan syarikat ini, peranan utama anda ialah menyediakan suatu laporan mengenai pengedaran farmaceutikal dengan penekanan ke atas keperluan menyimpan rekod di bawah undang-undang farmasi. Sekiranya syarikat ini ingin mengedarkan berbagai-berbagai farmaceutikal yang menyeluruh, bincangkan keperluan menyimpan rekod-rekod dengan rujukan kepada undang-undang berkenaan.

(18 markah)

2. Anda adalah seorang ahli farmasi berdaftar/Pengarah yang menjaga latihan dan pembangunan kakitangan di sebuah syarikat yang terbabit dalam import, jualan borong dan runcit berbagai-berbagai farmaceutikal yang menyeluruh termasuk item etika dan jualan bebas (ethical and OTC), dan juga bahan-bahan kimia untuk kegunaan makmal. Syarikat ini mempunyai banyak cawangan di seluruh negara. Cawangan-cawangannya dikendalikan oleh pengurus cawangan yang merupakan ahli farmasi berdaftar. Anda akan memberi satu syarahan kepada semua pengurus cawangan mengenai keperluan pelabelan di bawah undang-undang farmasi. Bincangkan kandungan syarahan anda.

(18 markah)

3. Terangkan perkaitan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984 dalam amalan farmasi runcit. Terangkan juga peranan seorang Penguasa (Superintendent) sebuah pertubuhan perbadanan (body corporate) yang melibat dalam perniagaan menyimpan, menjual secara runcit, mendispensa, dan menyebatikan racun, dadah berbahaya dan bahan-bahan terapeutik yang lain, dan fungsi Lembaga Farmasi dalam usaha mengekalkan standard amalan profesion farmasi seperti mana yang diperuntukan di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951.

4. Adakah sejenis ubat biji yang mengandungi diphenoxylate hydrochloride 2.5 mg dan atropine sulphate 25 mcg dikelaskan sebagai racun di bawah Akta Racun 1952 ataupun sebagai dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952? Terangkan asas pengkelasannya. Jika anda mempunyai lesen-lesen yang berkenaan untuk menjual ubat ini, sebutkan prosidur mengenai penjualan secara runcit ubat ini dengan rujukan kepada peruntukan undang-undang yang berkenaan. Jelaskan mengapa anda merujuk kepada undang-undang itu.

(16 markah)

5. Sebutkan secara ringkas pelbagai kategori iklan yang dikawal di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Terangkan keadaan di mana iklan-iklan boleh disiarkan.

(16 markah)

6. Tuliskan nota-nota atas perkara-perkara berikut:

- (i) Istilah "kelirupaan (passing-off)" dan "perintah perihal dagangan" (trade description order) di bawah Akta Perihal Dagangan 1972;
- (ii) Istilah "pengawasan sendiri secara langsung" (immediate personal supervision) di bawah Akta Racun 1952;
- (iii) Membawa ke dalam Malaysia melalui barang-barang sendiri, ubat untuk kegunaan sendiri yang dikelaskan sebagai dadah berbahaya dan racun;
- (iv) Penstoran racun di premis kedai farmasi runcit.

(16 markah)

